

H.I.V / A.I.D.S.

POLICY STATEMENT



BACKGROUND

This policy comes from a desire to preserve the integrity of Northport's employees and respond to what Northport recognizes as a global challenge and this policy reflects the approach in managing HIV/AIDS, non-discriminating treatment to affected employees, supporting affected employees, enhancing awareness on HIV/AIDS and overall issues on health and wellness.

This policy is established to reduce the risk of infection to other employees and their families by creating awareness on how disease can be transmitted, and contribute to the support for affected employees and their families.

APPLICATION

This policy applies to all new job applicants and Northport's employees.

PRIVACY

Northport pledges to maintain the confidentiality of the affected employees and their families with respect to their privacy, medical records, HIV status and condition as well as all information relating to counseling, care, treatment and receipt of benefits.

IMPLEMENTATION

Northport shall take following steps to achieve the goals of this policy:

1. Hold awareness and education campaigns in order to create openness, acceptance and balance between the rights and responsibilities of all parties.
2. Provide reasonable assistance for those who are infected with HIV/AIDS, including giving adequate time off for medical appointments and illness as well as directing such employee to undergo appropriate treatment and counseling if need be.

PLEDGE

Northport pledges the following:

1. To treat affected employees and their families with integrity, dignity, privacy and respect.
2. To eliminate unfair or undiscriminating practice due to HIV/AIDS status in respect of any employment policy, procedure and treatment.
3. To ensure any employee suffering from HIV/AIDS who is able to meet acceptable working standard is treated fairly and allowed to continue works as long as their condition is not a threat themselves or others.

DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
CHIEF EXECUTIVE OFFICER
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

8 March 2022

DISCLOSURE

While Northport does not require new job applicants or existing employees to undergo HIV/AIDS test, however, Northport requires them to disclose HIV/AIDS related information as soon as this information comes to their knowledge. This is to ensure that necessary care and support are given to the affected employees as well as mitigate risks of transmission to others.

Northport encourages employees to disclose any possibility or occurrences of adverse impact on job performance or threat/risk to their health and safety and/or other employees as result of the disease to enable Northport to take counter measures in eliminating or reducing such threat / risks.

CONFIDENTIALITY

Northport respects the confidentiality and privacy of the affected persons. Northport pledges to keep confidential and safeguards the information in accordance with our Privacy Policy.

Northport does not share or disclose the information unless required, for instance to ensure safe workplace and condition, and to ensure that Northport is responding to the needs of its employees and planning for future manpower arrangement.

TEST

Employees who wish to determine their HIV/AIDS status may arrange to be tested voluntarily.

GRIEVANCE PROCEDURE

Where an employee perceives discrimination is occurring as a result of their HIV/AIDS status, he/she shall have recourse to Northport's internal grievance procedures. Such employee is advised to report the incident to Head, Human Capital Division.

Northport pledges to take corrective measures and disciplinary actions as it deems appropriate against any employee found to have been involved in harassment or discrimination, whether directly or indirectly, against the affected employees or their families.

BREACH POLICY

Northport reserves the right to take the appropriate disciplinary action if any breach of this policy is found.

H.I.V / A.I.D.S.

LATAR BELAKANG

Polisi ini bertujuan untuk memelihara integriti kakitangan Northport dan menjawab cabaran global berkenaan HIV/AIDS. Polisi ini mencerminkan pendekatan Northport dalam pengurusan HIV/AIDS di tempat kerja termasuk mendidik kakitangan tentang HIV/AIDS, memberi layanan sama rata (tiada diskriminasi) kepada pekerja yang dijangkiti, memberi sokongan kepada pekerja yang dijangkiti terlibat, meningkatkan kesedaran tentang HIV/AIDS dan isu-isu berkaitan kesihatan dan kesejahteraan.

Polisi ini diwujudkan untuk mengurangkan risiko jangkitan kepada kakitangan lain dan keluarga mereka dengan mewujudkan kesedaran tentang bagaimana HIV/AIDS boleh tersebar, dan memberikan sokongan kepada kakitangan yang terlibat dan keluarga mereka.

PENGGUNAAN

Polisi ini digunapakai kepada semua pemohon pekerjaan dan kakitangan Northport.

RAHSIA PERIBADI

Northport berikrar untuk mengekalkan maklumat sulit pekerja yang dijangkiti dan keluarga mereka berkenaan privasi mereka, rekod perubatan, status dan keadaan penyakit HIV/AIDS serta maklumat yang berkaitan dengan kaunseling, penjagaan, rawatan dan penerimaan faedah.

PERLAKSANAAN

Northport akan mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk mencapai matlamat Polisi ini:

1. Mengadakan kempen kesedaran dan pendidikan untuk mewujudkan sikap keterbukaan, penerimaan dan keseimbangan hak dan tanggungjawab semua pihak.
2. Memberikan bantuan yang wajar bagi mereka yang dijangkiti HIV / AIDS, termasuk memberi masa yang mencukupi untuk temu janji perubatan, di samping mengarahkan kakitangan tersebut untuk menjalani rawatan dan kaunseling yang sesuai jika perlu.

IKRAR

Northport berikrar seperti berikut:

1. Menjaga integriti, maruah, privasi dan menghormati pekerja yang terlibat dan keluarga mereka.
2. Menjauhi amalan berat sebelah atau pembezaan disebabkan status penyakit HIV / AIDS berkenaan apa-apa polisi syarikat, prosedur dan rawatan.
3. Memastikan kakitangan yang dijangkiti HIV / AIDS dapat memenuhi piawaian kerja, dilayan dengan adil saksama dan dibenarkan untuk meneruskan kerja selagi keadaan mereka tidak menjadi ancaman kepada diri mereka sendiri atau orang lain.
4. Menyediakan persekitaran kerja yang selamat selagi munasabah dan boleh mengurangkan risiko jangkitan.



DATO' AZMAN SHAH MOHD YUSOF
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

8 Mac 2022



PENDEDAHAN

Northport tidak memerlukan pemohon pekerjaan atau kakitangan yang sedia ada untuk menjalani ujian HIV / AIDS. Walau bagaimanapun, adalah perlu bagi pemohon pekerjaan dan kakitangan sedia ada untuk mendedahkan maklumat HIV / AIDS dan yang berkaitan sebaik sahaja maklumat ini sampai kepada pengetahuan mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa penjagaan dan sokongan yang perlu diberikan kepada pekerja yang terlibat dan juga mengurangkan risiko atau jangkitan kepada orang lain.

Northport menggalakkan kakitangan untuk mendedahkan apa-apa kemungkinan berlakunya kesan buruk ke atas prestasi kerja atau ancaman / risiko kepada kesihatan dan keselamatan akibat daripada HIV / AIDS bagi membolehkan Northport mengambil langkah-langkah selanjutnya dalam menghapuskan atau mengurangkan ancaman / risiko tersebut.

KERAHSIAAN

Northport menghormati hak kerahsiaan dan privasi kakitangan yang dijangkiti. Northport berikrar untuk menyimpan rahsia dan melindungi semua maklumat menurut Polisi Privasi syarikat.

Northport tidak akan berkongsi atau mendedahkan maklumat tersebut melainkan jika dikehendaki, misalnya untuk memastikan tempat kerja dan keadaan yang selamat, memastikan Northport memberi maklum balas kepada kepeluan kakitangan dan perancangan pengambilan pekerja di masa akan datang.

UJIAN

Pekerja yang ingin memastikan status HIV / AIDS mereka boleh melakukan ujian secara sukarela.

PROSEDUR ADUAN

Jika mana-mana kakitangan yang dijangkiti berasa bahawa diskriminasi telah berlaku akibat status HIV / AIDS mereka, mereka hendaklah membuat aduan melalui prosedur Northport. Kakitangan terbabit dinasihatkan supaya melaporkan kejadian tersebut kepada Ketua, Bahagian Modal Insan.

Northport berikrar untuk mengambil langkah-langkah pembaikan dan tindakan disiplin sebagaimana yang difikirkan sesuai terhadap mana-mana kakitangan yang didapati terlibat dalam gangguan atau diskriminasi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terhadap pekerja yang dijangkiti termasuklah keluarga mereka.

PELANGGARAN POLISI

Northport berhak untuk mengambil tindakan disiplin yang berkenaan sekiranya terdapat pelanggaran terhadap Polisi ini.